

PROFIL PROFESIONAL

RUDY LUDINATA M.

*“Kita menjadi lebih daripada apa yang kita berikan.
Kita berikan kebaikan, kita menjadi lebih baik.
Kita kongsikan kemahiran, kita menjadi lebih mahir.”*

Rudy menerima latihan intensif dan pentauliahan profesional sebagai *Certified Profesional Image Consultant* (CPIC) dan *Certified Fine Dining Consultant* (CFDC). Beliau berpengalaman dan berkemahiran tinggi mengendalikan program Perundingan Imej, Protokol, Etiket Sosial, Pengucapan Awam, Pengurusan Majlis Rasmi Kerajaan, Perhubungan Awam dan Pengurusan Khidmat Pelanggan,

Rudy yang mempunyai kelulusan perundangan dari Fukushima, Jepun memulakan kerjaya sebagai pramugara dengan sebuah syarikat penerbangan yang terkemuka di Asia Timur. Karakter beliau yang penuh dedikasi dan ketelitian beliau yang tinggi membawa beliau ke bidang kerjaya berikutnya sebagai Diplomat di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia.

Beliau terus mengorak langkah dalam kerjaya profesional dengan menerima tanggungjawab mengetuai Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Korporat sebuah agensi kerajaan selama lebih 10 tahun.

Sepanjang karier beliau, Rudy berpengalaman menguruskan pelbagai majlis dan acara yang berprestij tinggi serta dihadiri oleh individu kenamaan antaranya:

- Pegawai Protokol dan Koordinator Majlis Santapan Malam Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong bersama rakyat Malaysia di Jakarta, sempena Keberangkatan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV ke Jakarta dan Bali, Indonesia.
- Ketua Pegawai Protokol pengurusan ketibaan Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad sempena Majlis Penganugerahan Doctor Honorory Causa (Ph.D Kehormat) kepada Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad oleh Universitas Sebelas Maret, Kota Solo, Surakarta.
- Pegawai Protokol penyelarasan mesyuarat dan majlis makan malam rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan pemimpin pelajar Malaysia di Indonesia.

Melalui pengalaman tugas, kemahiran dan pentauliahan yang beliau perolehi, Rudy kini aktif diundang mengendalikan pelbagai program latihan di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, selain menjadi tenaga pengajar di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Selain itu, Rudy turut melaksanakan pelbagai kursus imej, etiket dan protokol di syarikat korporat seperti Maybank Etiqa Bhd., PASDEC Holdings dan sebagainya. Kelebihan beliau mengendalikan program dengan teknik yang interaktif dan menggalakkan penglibatan peserta menjadi antara faktor beliau kerap diundang sebagai *trainer* atau penceramah.

Bekas model sambilan ini fasih bertutur dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Jepun, juga sering diundang sebagai Juruacara Majlis rasmi dan tidak rasmi di pelbagai peringkat, pernah diundang berkongsi topik berkaitan penampilan lelaki secara bersiri di Radio Nasional FM, selain penulis Buku 77 INSPIRASI GAYA PENJAWAT AWAM.



IMAGenius
B E T H E O N E



RUDY LUDINATA

